



TEKS UCAPAN

YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI

KETUA MENTERI MELAKA MERANGKAP

PRESIDEN PERSATUAN BOLASEPAK MELAKA (MUSA)

SEMPENA

KONGRES PERSATUAN BOLA SEPAK MELAKA KALI KE-66

**TARIKH: 16 JANUARI 2022 (AHAD), MASA: 10.00 PAGI
DI GRAND BALLROOM HOTEL MITC, AYER KEROH MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih pengacara majlis;

YB Tuan VP Shanmugam,
EXCO Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan
Kerajaan (NGO);

YBhg. Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi,
Timbalan Presiden MUSA;

YBrs. Encik Mohd Saifuddin Abu Bakar,
Setiausaha Agung Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM);

YBhg. Datuk Shadan Othman, Datuk Khairi Anuar
Ahmad, Encik Noor Azman Rahman, Datuk Wira Sazali
Muhd Din,

Naib-naib Presiden MUSA;
YBrs. Ir. Ahmad Roslee Hamzah,
Setiausaha Agung MUSA;

YBrs. En Lim Swee Hu,
Bendahari Kehormat MUSA.

Ahli-ahli Eksekutif MUSA, Para Perwakilan Ahli-ahli Kelab
Gabungan;

Seterusnya, rakan-rakan media, hadirin dan hadirat yang
dihormati sekalian.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah izin serta kurnia-Nya, kita dapat berkumpul di Grand Ballroom Hotel MITC ini sempena Kongres Persatuan Bolasepak Melaka Kali Ke-66 pada tahun ini.
2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada MUSA kerana berjaya menguruskan majlis kongres pada hari ini dengan baik.

3. Pada kesempatan ini, saya juga mengucapkan terima kasih kepada kepada wakil-wakil daripada **98** buah kelab gabungan yang hadir pada kongres MUSA kali ini. Sekalung penghargaan juga diucapkan di atas sokongan semua pihak untuk saya terus menerajui Persatuan Bolasepak Melaka selaku Presiden.

Para perwakilan yang dihormati sekalian;

4. Penganjuran Kongres Persatuan Bolasepak Melaka Kali Ke-66 terpaksa dilangsungkan pada tahun ini berikutan beberapa kekangan, antaranya memberi laluan kepada Pilihan Raya Negeri Melaka penggal

ke-15 pada 20 November yang lalu selain perlu mendapat **'lampu hijau'** daripada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebagai langkah pencegahan penularan pandemik COVID-19.

5. Walau bagaimanapun, kongres MUSA kali ini kekal dianjurkan seperti kongres terdahulu dengan perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan seperti memakai pelitup muka serta mengamalkan penjarakan fizikal sebagai langkah pencegahan COVID-19. Terima kasih di atas kerjasama semua yang terlibat dalam mematuhi SOP yang ditetapkan.

Tuan-tuan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian.

6. Tidak dinafikan pandemik COVID-19 telah banyak menjejaskan perjalanan kejohanan, program dan aktiviti membabitkan persatuan sepanjang tahun 2020. Antara yang turut terjejas ialah penganjuran Liga Malaysia 2020 yang menyaksikan tempoh saingan liga bukan sahaja ditangguh, malah dipendekkan dengan hanya separuh perlawanan liga dilangsungkan selain saingan Piala FA dan Piala Malaysia dibatalkan.

7. Bukan itu sahaja, sepanjang PKP, penyokong bola sepak juga tidak dibenarkan hadir ke stadium bagi menyaksikan pasukan mereka beraksi dalam perlawanan-perlawanan Liga Malaysia sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam usaha mengurangkan risiko penularan COVID-19.
8. Sebagaimana kita semua sedia maklum, pihak persatuan juga terpaksa menangguhkan hampir semua program dan aktiviti yang dirancang sepanjang tahun 2020 antaranya; kejohanan dan pertandingan, program pembangunan bola sepak, kejurulatihan, kepengadilan serta mesyuarat-

mesyuarat jawatankuasa. Namun, program-program tetap dijalankan secara atas talian bagi memastikan kesinambungan operasi persatuan dapat tetap dijalankan.

Para perwakilan yang dihormati sekalian;

9. Tahun 2020 adalah tahun terakhir pasukan Melaka United di bawah pengurusan MUSA sebelum penswastaaan kelab dilaksanakan pada tahun 2021 dan juga merupakan musim ke-4 Melaka United dalam saingan Liga Super Malaysia selepas muncul juara Liga Premier pada tahun 2016.

10. Saingan Liga Super Malaysia 2020 hanya berlangsung separuh dengan hanya 11 daripada 22 perlawanan berikutan penangguhan liga oleh pihak **Malaysia Football League (MFL)** disebabkan PKP. Tindakan ini adalah bertujuan untuk mengekang penularan pandemik COVID-19 yang semakin meningkat di seluruh negara ketika itu.

11. Biarpun menamatkan saingan Liga Super Malaysia 2020 di kedudukan ke-9 liga, namun Melaka United FC kekal beraksi dalam saingan Liga Super untuk musim berikutnya, manakala saingan Piala Malaysia dan Piala FA dibatalkan.

12. Selain itu, saingan Piala Presiden dan Piala Belia turut ditangguhkan pada 16 Mac sebelum dibatalkan pada 1 Jun selepas hanya beberapa perlawanan dilangsungkan berikutan kebimbangan peningkatan kes pandemik COVID-19, begitu juga dengan kejohanan-kejohanan lain seperti piala Tun Sharifah Rodziah dan Malaysia Premier Futsal League 2020.

13. Sehubungan dengan itu, bersama-samalah kita mendoakan semoga pandemik ini akan segera berakhir agar bukan sahaja sukan bola sepak, malah seluruh industri sukan di seluruh dunia dapat kembali dijalankan seperti sedia kala.

Tuan-tuan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian.

14. Beberapa tahun kebelakangan ini adalah tempoh yang sukar buat persatuan kerana berdepan dengan pelbagai cabaran terutamanya dalam mendepani pandemik yang melanda selain beberapa isu yang masih berbangkit. Semoga tahun 2022 diharap akan membawa sinar untuk persatuan ini kembali bangkit dan memartabatkan bola sepak sebagai sukan nombor satu dunia.

15. Bukan itu sahaja, saya berharap kelab-kelab gabungan dapat terus memberikan sokongan kepada persatuan di waktu sukar ini kerana dengan sokongan anda semua, persatuan ini dapat terus melaksanakan peranannya dalam mengelola sukan bola sepak Negeri Melaka.

16. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan penghargaan terima kasih kepada para penaja di atas penajaan dan tidak ketinggalan juga buat sekretariat MUSA yang mengelola penganjuran kongres pada kali ini berlangsung dengan jayanya.

17. Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada pihak sekretariat MUSA serta semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penganjuran kongres tahunan MUSA kali ke-66 ini. Semoga kita bertemu lagi pada kongres akan datang,

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

-TAMAT-